



10 SOAL JAWAB

TENTANG ANAK BULAN

SIRI 1

JABATAN MUFTI NEGERI PERAK

**10 SOAL JAWAB
TENTANG ANAK BULAN**

**TERBITAN :
JABATAN MUFTI NEGERI PERAK
2021 M / 1443 H**

*** Imej Menunjukkan Hilal Syawal 1439 H Yang Dirakam Di
Baitul Hilal, Pantai Pasir Panjang, Perak.**

KATA ALUAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Segala puji bagi Allah S.W.T yang telah berfirman :

يَسْأَلُونَكَ عَنِ الْأَهْلِ قُلْ هِيَ مَوَاقِيتُ
لِلنَّاسِ وَالْحُجِّ

Bermaksud : " Mereka bertanya kepadamu (Wahai Muhammad) mengenai (peredaran) anak-anak bulan. katakanlah: "(Peredaran) anak-anak bulan itu menandakan waktu-waktu (urusan dan amalan) manusia, khususnya Ibadat Haji."

(Surah al-Baqarah : 189)

Selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad S.A.W dan seterusnya pada ahli keluarga baginda dan para sahabat.

Pertamanya, saya ingin mengucapkan tahniah kepada semua pihak yang telah mengusahakan penerbitan buku ini yang sangat tepat pada masanya bagi menjelaskan isu anak bulan ini kepada masyarakat.

Walaupun isu ini lazimnya dibahaskan secara bermusim terutama bila menjelang awal puasa atau hari raya, namun ia sebenarnya satu disiplin ilmu yang sangat berkait rapat dengan kehidupan seorang muslim yang menggunakan taqwim sebagai rujukan hidup seharian.

Mengambil kesempatan dari budaya penerbitan e-book yang semakin diminati,

buku ini juga disediakan dalam versi *e-book* dan diharap dapat menjadi hidangan minda dan bacaan ringan di kalangan masyarakat.

Akhir kalam semoga kehadiran buku kecil ini dapat menjawab sedikit sebanyak persoalan berkaitan anak bulan. Pihak Jabatan juga berharap agar ia dapat disebarakan agar manfaatnya dapat berterusan.

Wassalam.

S.S Dato Haji Zamri Bin Hashim

Tim. Mufti Negeri,
Perak Darul Ridzuan.

KATA PENGANTAR

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah S.W.T yang telah memperjalankan Matahari dan Bulan sebagai rujukan taqwim. Selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad S.A.W yang telah membawa sinar hidayah yang menyuluh kehidupan manusia hingga dapat memanfaatkan alam ini bagi kesinambungan hidup sementara di dunia ini.

Taqwim Hijrah adalah taqwim ibadat bagi umat Islam yang disusun berdasarkan kenampakan anak bulan. Oleh kerana itu ia menjadi satu perkara yang sangat penting untuk difahami.

Maka dalam memberikan kefahaman kepada masyarakat tentang beberapa persoalan anak bulan, maka kami berusaha menyusun dan menerbitkan buku kecil ini yang bertajuk **10 Soal Jawab Tentang Anak Bulan Siri 1**. Ia adalah koleksi soal jawap yang berlegar di kalangan masyarakat. Buku kecil ini diolah dengan bahasa yang mudah bersama gambar-gambar yang menjadi rujukan agar memudahkan masyarakat memahami isu yang ingin dibincangkan.

Moga ianya bermanfaat, mengisi ruang pembaca dalam tempoh PKP ini, sekaligus menjawab sedikit sebanyak persoalan yang mungkin bermain di fikiran. Wassalam.

Mohamad Faizal Bin Jani

Pegawai Falak,

Jabatan Mufti Negeri Perak

ISI KANDUNGAN

KATA ALUAN	i
KATA PENGANTAR	iv
ISI KANDUNGAN	vi

SOALAN 1

Kenapa kita mesti melihat anak bulan bila hendak berpuasa atau berhari raya?	1
--	----------

SOALAN 2

Apa yang dimaksudkan dengan hilal pula?	6
--	----------

SOALAN 3

Jadi adakah kita melihat anak bulan hanya pada bulan Ramadhan, Syawal dan Zulhijjah saja? 9

SOALAN 4

Kenapa kita tidak gunakan matahari, bukankah ia lebih jelas dan mudah? 12

SOALAN 5

Apa pula fungsi Matahari atau Taqwim Syamsiah tu? 15

SOALAN 6

Mengapa Allah S.W.T menjadikan bulan sebagai rujukan Taqwim Hijrah tidak matahari? 19

SOALAN 7

Kenapa kita selalu puasa
atau raya lambat dari
Mekah, sedangkan
kita lebih dulu menerima
matahari? 22

SOALAN 8

Mengapa pula kita selalu
mendengar orang di Mekah
yang selalu nampak anak bulan,
sementara kita pula sukar
untuk melihatnya ? 25

SOALAN 9

Mengapa pula kita tidak
boleh berpuasa serentak
pada hari yang sama
di seluruh dunia? 28


SOALAN 10

Jika begitu memang kita tidak akan selama-lamanya berpuasa atau berhari raya pada tarikh dan hari yang samalah di seluruh dunia?

31

KESIMPULAN

33



Mencerap anak bulan adalah satu keperluan dalam penetapan awal bulan.

SOALAN 1

Kenapa kita mesti melihat anak bulan bila hendak berpuasa atau berhari raya?

Keperluan untuk melihat anak bulan sebenarnya atas keperluan untuk kita menetapkan kenampakan anak bulan bagi tujuan berpuasa dan berhari raya.

Ini berdasarkan sebuah hadis oleh Nafi' dari Ibnu Umar, Nabi Muhammad S.A.W

pernah bersabda tentang bulan Ramadhan, maka sabdanya:

" لَا تَصُومُوا حَتَّى تَرَوْا الْهَيْلَالَ ، وَلَا تُفْطِرُوا

حَتَّى تَرَوْهُ ، فَإِنْ غَمَّ عَلَيْكُمْ فَأَقْدِرُوا لَهُ . "

" Jangan kamu berpuasa kecuali kamu melihat hilal (Ramadhan). Dan janganlah kamu berbuka sebelum kamu melihat hilal (Syawal). Apabila kamu tertutup oleh awan, maka hendaklah kamu taqdirkannya."

Riwayat Muslim.

Berdasarkan hadis ini, para ulama fiqh merumuskan bahawa wujud atau tidaknya anak bulan menjadi satu sebab untuk

berpuasa dan berhari raya. Jadi sebab itulah bila sampai masa kita hendak berpuasa di bulan Ramadhan dan berhari raya di bulan Syawal dan Zulhijjah kita akan melihat anak bulan.

Para ulama juga menetapkan bahawa hukum melihat anak bulan ini ialah Fardhu Kifayah. Ini bermakna sama ada anak bulan kelihatan atau tidak maka orang yang melihat anak bulan tetap memperolehi kebajikan dan pahala atas pelaksanaan Fardhu Kifayah.



Gambar Menunjukkan Hilal Rabiul Akhir 1440H di Baitul Hilal, Pantai Pasir Panjang, Perak.

SOALAN 2

Apa yang dimaksudkan dengan hilal pula?

Anak bulan dan hilal membawa makna yang sama saja. Cuma hilal itu dalam bahasa Arab, tapi sebenarnya telah pun dimelayukan. Anak bulan ialah peringkat bentuk bulan yang paling nipis dan kurang bercahaya. Anak bulan sebenarnya fasa bulan pada peringkat awal yang boleh kita lihat selepas peringkat bulan mengalami kedudukan 'ijtima' ketika fasa bulan gelap atau

“Newmoon” atau disebut juga dalam bahasa Arab dengan nama ‘Muhaq’.

Istilah inilah yang disebutkan dalam al-Quran
 yaitu surah al-Baqarah 189 :

يَسْأَلُونَكَ عَنِ الْأَهْلِ قُلْ هِيَ مَوَاقِيتُ
 لِلنَّاسِ وَالْحُجِّ

Bermaksud : “ Mereka bertanya kepadamu (Wahai Muhammad) mengenai (peredaran) anak-anak bulan. katakanlah: "(Peredaran) anak-anak bulan itu menandakan waktu-waktu (urusan dan amalan) manusia, khususnya Ibadat Haji.”



**Cerapan turut dijalankan pada lain-lain bulan
di lokasi cerapan di setiap negeri.**

SOALAN 3

Jadi adakah kita melihat anak bulan hanya pada bulan Ramadhan, Syawal dan Zulhijjah saja?

Kalendar Hijrah yang kita gunakan sekarang sebenarnya merujuk kepada peredaran bulan, yang kita sebut juga sebagai Taqwim Qamariah. Kalendar Masihi pula merujuk peredaran bumi mengelilingi matahari, atau disebut juga sebagai Taqwim Syamsiah.

Di Malaysia, sebenarnya pada setiap bulan ada rombongan dari Jabatan Mufti Negeri-negeri, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Jabatan Ukur dan Pemetaan dan wakil-wakil IPT yang melihat anak bulan. Cuma yang rasmi dan yang diumumkan 3 bulan saja iaitu Ramadhan, Syawal dan Zulhijjah. Mereka yang pergi melihat anak bulan tiap-tiap bulan inilah yang bertanggungjawab menyusun dan menyemak kalendar kita ini agar betul dan tepat dengan peredaran bulan sebenar. Jadi jawapannya, setiap bulan mereka yang bertanggungjawab ini pergi melihat anak bulan. Cuma ia tidak diumumkan saja kenampakan anak bulan tersebut.



Permukaan Matahari tidak mempunyai fasa seperti Bulan yang boleh dijadikan petunjuk bilangan hari.

SOALAN 4

Kenapa kita tidak gunakan matahari, bukankah ia lebih jelas dan mudah?

Pertama, dalam ibadah, umat Islam disuruh untuk menggunakan Taqwim Qamariyah yang merujuk kepada peredaran Bulan. Ini seperti yang difirman Allah SWT dalam surah al-Baqarah : 189 :

يَسْأَلُونَكَ عَنِ الْأَهْلِ قُلْ هِيَ مَوَاقِيتُ
لِلنَّاسِ وَالْحُجِّ

Bermaksud : " Mereka bertanya kepadamu (Wahai Muhammad) mengenai (peredaran) anak-anak bulan. katakanlah: "(Peredaran) anak-anak bulan itu menandakan waktu-waktu (urusan dan amalan) manusia, khasnya Ibadat Haji."

Kedua, Allah menjadikan peredaran bulan sebagai rujukan taqwim hijrah dan dalam masa yang sama, rujukan dalam persoalan ibadat. Persoalan sama ada merujuk kepada matahari atau bulan tidak menjadi soal. Ini kerana ibadat ini hak milik mutlak Allah S.W.T. Maka kaedahnya pun perlulah kita merujuk kepada dalil-dalil dalam Quran dan Hadis.



Matahari menjadi petunjuk dalam penyusunan musim yang berkait rapat dengan aktiviti pertanian.

SOALAN 5

Apa pula fungsi Matahari atau Taqwim Syamsiah tu?

Ber cerita tentang Matahari atau Taqwim Syamsiah sudah tentu ia juga ada fungsinya. Ini kerana Allah S.W.T tidak menjadikan sesuatu itu secara sia-sia.

Allah S.W.T berfirman :

16

هُوَ الَّذِي جَعَلَ الشَّمْسَ ضِيَاءً وَالْقَمَرَ نُورًا
وَقَدَّرَهُ مَنَازِلَ لِتَعْلَمُوا عَدَدَ السِّنِينَ وَالْحِسَابَ
مَا خَلَقَ اللَّهُ ذَلِكَ إِلَّا بِالْحَقِّ يُفَصِّلُ الْآيَاتِ
لِقَوْمٍ يَعْلَمُونَ

"Dialah yang menjadikan matahari bersinar-sinar (terang-benderang) dan bulan bercahaya, dan Dialah yang menentukan perjalanan tiap-tiap satu itu (berpindah-pindah) pada tempat-tempat peredarannya (masing-masing) supaya kamu dapat mengetahui bilangan tahun dan kiraan masa. Allah tidak menjadikan semuanya itu melainkan dengan adanya faedah dan

gunanya yang sebenar. Allah menjelaskan ayat-Nya (tanda-tanda kebesaran-Nya) satu persatu bagi kaum yang mahu mengetahui (hikmat sesuatu yang dijadikan-Nya."

(Surah Yunus : ayat 5)

Jika dilihat dari ayat di atas, Allah menyatakan Matahari dan Bulan boleh dijadikan rujukan untuk menyusun taqwim. Umumnya taqwim Syamsiah atau peredaran Matahari dijadikan rujukan bagi fenomena perubahan musim. Ia mempengaruhi jadual dan aktiviti kehidupan manusia. Dari pertanian, ekonomi dan sosial, kita akan merujuk kepada taqwim Syamsiah.



Suku Pertama



Bulan Penuh



Suku Terakhir



Bulan Gelap



Suku Pertama



Bulan Penuh

**Fasa Bulan dapat dijadikan petunjuk
bilangan hari dalam sebulan.**

SOALAN 6


Mengapa Allah S.W.T jadikan bulan sebagai rujukan Taqvim Hijrah tidak matahari?

Hikmah di sebaliknya cuma Allah S.W.T yang lebih mengetahuinya. Namun berdasarkan kajian-kajian tentang taqvim, bulan telah dijadikan sebagai rujukan taqvim oleh tamadun-tamadun sejak dulu lagi. Ini disebabkan manusia mudah untuk mengenal pasti perubahan bentuk bulan yang berubah-ubah bentuknya berdasarkan jumlah hari dalam sebulan. Contohnya jika malam ini

bulan penuh, maka orang tahu yang ketika itu 15 haribulan, jika bulan tidak kelihatan langsung maka mereka tahu yang ketika itu 29 haribulan.

Berbanding matahari yang tiada perubahan pada permukaannya. Memang susah hendak menetapkan tarikh jika semata-mata kita melihat matahari. Jadi sebab itulah Allah SWT menyuruh kita melihat bulan.

Sebagai tambahan dari sudut ketulenannya, hanya umat Islam yang menggunakan taqvim Bulan (Qamariyah) tanpa campur adukkannya dengan taqvim matahari (Syamsiah) dari dulu hingga sekarang.



Mekah berada di sebelah barat Malaysia dengan beza waktunya adalah 5 jam.

SOALAN 7

Kenapa kita selalu puasa atau raya lambat dari Mekah, sedangkan kita lebih dulu menerima matahari?

Seperti yang telah disebutkan sebelum ini Taqwim Hijrah yang digunakan untuk kita beribadah menggunakan peredaran bulan. Maka apabila bab permulaan ibadat seperti puasa atau raya, maka kita rujuk pada peredaran bulan dan bukan peredaran matahari. Jadi isu siapa yang menerima matahari dulu tidak terpakai dalam isu ini. Ini

kerana ia melibatkan isu peredaran Bulan dan bukannya Matahari.

Seperti yang kita tahu, matahari selalunya kita kaitkan dengan hari yang terdiri dari siang dan malam. Maknanya orang di sebelah timur seperti Malaysia akan menerima hari baru seperti Isnin lebih awal dari orang di sebelah barat seperti Mekah. Sedangkan kenampakan anak bulan tidak dipengaruhi oleh konsep siang dan malam. Malah dalam teorinya anak bulan lebih mudah kelihatan di sebelah barat.



Ketika umat Islam di Malaysia melihat anak bulan pada waktu Maghrib, di Mekah masih dalam waktu Zuhur.

SOALAN 8

Mengapa pula kita selalu mendengar orang di Mekah yang selalu nampak anak bulan, sementara kita pula sukar untuk melihatnya ?

Antara faktor utama anak bulan boleh dilihat ialah faktor umur. Semakin berumur anak bulan itu, semakin mudah kita lihat. Sebagai contoh perbandingan, katakanlah bila 'Pak Man' yang duduk di Semanggol, Perak melihat anak bulan, umur bulan ketika itu

baru 5 jam, maka 'Pak Man' memaklumkan anak bulan tidak kelihatan. Waktu di Malaysia ketika itu 7.30 pm. Tapi bila 'Pak Syeikh' di Mekah (yang beza waktu dengan kita ialah 5 jam) melihat anak bulan, maka mereka mendakwa nampak anak bulan. Ini kerana anak bulan bukan lagi 5 jam tapi dah 10 jam. Waktu tu di Malaysia sudah 12.30 am.

Bila 'Uncle Sam' tengok anak bulan di U.S, mereka juga laporkan anak bulan kelihatan. Ini kerana anak bulan sudah mencapai 17 jam. Ini menunjukkan semakin berumur anak bulan tersebut semakin mudah ia kelihatan.



Konsep Matla' adalah had untuk sebuah negara mengikuti kenampakan anak bulan di negara lain.

SOALAN 9

Mengapa pula kita tidak boleh berpuasa serentak pada hari yang sama di seluruh dunia.

Bagi kita yang bermazhab Syafie, ada satu istilah yang disebut sebagai matla'. Maksud matla' dari bahasa ialah 'tempat terbit'. Contohnya, bila kita di Ipoh tidak nampak anak bulan Zulhijjah, tapi Ibu kita di Mekah telefon maklumkan nampak anak bulan di sana. Dalam kes ini kita tidak boleh ikut Mekah. Tapi kalau kawan kita yang tinggal di Alor Setar telefon maklumkan nampak anak

bulan, maka kita bolehlah ikut saja maklumat dari mereka .

Kenapa ada perbezaan hukum dalam kes ini? Ini disebabkan jarak Ipoh dengan Alor Setar dekat saja dan dalam satu negara. Maka oleh sebab itu dikategorikan sebagai satu Matla'.

Tapi perbandingan kedudukan Ipoh dan Mekah terlalu jauh iaitu melebihi 6600 km, jadi kita tidak boleh mengikut keputusan anak bulan di Mekah. Oleh kerana ketika kita melihat anak bulan, ia belum cukup 'umur atau matang' untuk ia kelihatan.



Umat Islam akan merayakan Hari Idulfitri pada 1 Syawal berdasarkan kenampakan anak bulan.

SOALAN 10

Jika begitu memang kita tidak akan selama-lamanya berpuasa atau berhari raya pada tarikh dan hari yang samalah di seluruh dunia?

Hakikatnya kita tetap berpuasa atau berhari raya pada tarikh hijri yang sama iaitu 1 haribulan Ramadhan atau 1 Syawal, cuma hari saja yang berbeza. Perkara ini adalah satu fitrah yang Allah SWT tetapkan pada peredaran bulan bahawa kadang-kadang

anak bulan hanya dapat kelihatan disebahagian saja dari penduduk bumi dan sebahagian lagi tidak nampak dalam hari yang sama. Hal ini telah pun dikaji oleh pakar-pakar falak antaranya Prof. Mohamad Ilyas dari Univ. Sains Malaysia yang pernah mencadangkan hal ini dalam membentuk taqwim Hijri yang boleh digunakan di seluruh dunia Islam.

Bak kata pepatah Melayu, 'di mana bumi dipijak disitu langit dijunjung', di mana hilal dirukyah di situlah puasa atau berhari raya bermula dahulu. Mudahnya, berpegang saja pada keputusan rukyah di negara kita.

KESIMPULAN

Melihat Anak Bulan adalah kaedah asas dan merupakan fardhu kifayah bagi umat Islam bagi penetapan permulaan puasa dan 2 hari raya.

Memahami isu anak bulan akan menjawab beberapa persoalan dalam perbahasan ibadah dan hikmah disebalik ciptaan dan pergerakannya. Disebalik penggunaan taqwim syamsiah, taqwim qamariyah perlu terus kekal sebagai taqwim utama Islam sebagai rujukan ibadah.

Melihat Anak Bulan adalah kaedah asas dan merupakan fardhu kifayah bagi umat Islam bagi penetapan permulaan puasa dan 2 hari raya.

Memahami isu anak bulan akan menjawab beberapa persoalan dalam perbahasan ibadah dan hikmah disebalik ciptaan dan pergerakannya. Disebalik penggunaan taqwim syamsiah, taqwim qamariyah perlu terus kekal sebagai taqwim utama Islam sebagai rujukan ibadah.

HILAL REJAB 1442 H

Umur : 16j 48 m

Jabatan Mufti Negeri Perak
BAITUL HILAL, PANTAI PASIR PANJANG,
PERAK DARUL RIDZUAN